

SMK Mohamed Al-Bukhary juara Inovasi Rumah Lestari

Alor Setar: Projek biogas menggunakan sisa makanan serta najis lembu bagi menghasilkan gas memasak, mengangkat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Mohamed Al-Bukhary di sini sebagai johan pertandingan Inovasi Rumah Lestari (IG Home) Fasa 1 2017.

Pertandingan anjuran Pintar Foundation dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ditaja Yayasan Hasanah itu, menarik penyertaan daripada 13 sekolah.

Setiap sekolah perlu melengkapi satu daripada enam modul yang ditetapkan penganjur iaitu modul sis pepejal, kompos, biogas, tuai air hujan, bumbung hijau dan binaan lestari.

Guru Penyelaras projek IG Home SMK Mohamed Al-Bukhary,

Haruddaini Halim, berkata 40 pelajar Tingkatan Satu dan Dua sekolah itu terbabit menjayakan projek yang dimulakan sejak 27 Mei lalu.

"Sekolah kami dipilih menyediakan modul biogas. Modul ini agak mencabar untuk dilaksanakan, namun hasil tunjuk ajar pensyarah UKM, kami berjaya menghasilkan gas metana, walaupun terpaksa menahan bau busuk najis dan sisa makanan.

Beri komitmen baik

"Mujurlah pelajar memberikan komitmen yang sangat baik. Mereka sanggup datang setiap hari cuti untuk menyelenggara projek ini yang kami dirikan di pekarangan sekolah, ia dinamakan perkampungan IG Home," katanya ketika ditemui selepas majlis penutup prog-



Haruddaini Halim

ram Pintar-UKM -UKM Sustainability & Green Technology Through IG Home Module Fasa 1 2017 di TH Hotel di sini.

Menceritakan mengenai proses menghasilkan biogas berkenaan, Haruddaini berkata, pada mulanya najis lembu akan dimasukkan terus ke dalam tangki simpanan tertutup.

Masukkan sisa makanan

Katanya, setiap hari pelajar akan bergilir memasukkan sisa makanan yang dikumpulkan daripada dapur kantin yang dikisar halus, selepas 12 jam gas akan mula terhasil.

"Selepas itu kami hanya perlu menyambung saluran gas daripada tempat simpanan berkenaan untuk digunakan sebagai gas memasak.

"Selain modul biogas, kami juga membina lima modul lain di perkampungan IG Home berikutan mendapat kerjasama yang baik daripada sekolah, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) serta penduduk kampung," katanya.

Terdahulu, turut berlangsung Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian di antara UKM dan Pintar Foundation bertujuan melanjutkan program IG Home kepada 17 buah sekolah lagi di negeri Kedah pada tahun depan.

UKM diwakili Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Profesor Datuk Dr Imran Ho Abdullah, manakala Pintar Foundation diwakili Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Pintar Foundation, Tan Sri Arshad Ayub.